

02/10/1997

Pameran IT wajar diadakan lebih kerap

Manzaidi Mohd

LEDAKAN Informasi Teknologi (IT) dalam era teknologi terkini mengajak beberapa pihak untuk berusaha menganjurkan pelbagai seminar, pameran dan kursus mengenai IT bagi merubah cara berfikir dan bertindak. Ia juga adalah sumber ilmu dan pengetahuan yang luas serta tidak terbatas.

Oleh itu, pendekatan yang profesional, progresif dan berfokus perlu dijalankan bagi menggarap segala potensi dalam bidang berkenaan.

Memandangkan IT menjadi satu alat penting yang boleh membantu meningkatkan taraf hidup rakyat, sebuah badan pemikir di Kelantan; Institut Penyelidikan dan Pengajian Strategik Kelantan (Kriss) menganjurkan pameran Kelantan Infotech '97 dan Seminar Teknologi Maklumat-Teras Kehidupan Masa, pada 27 hingga 29 September lalu.

Ternyata program tiga hari bertempat di Balai Islam Lundang, Kota Bharu itu mendapat sambutan kira-kira 13,000 pengunjung dari pelbagai peringkat, termasuk suri rumah, penuntut, pekerja pejabat, peniaga dan tokoh korporat.

Pengunjung ketika ditemui pada hari terakhir program, semalam melahirkan puas hati dengan pameran itu. Sebelum ini, mereka mengakui hanya membaca dan melihat perkembangan IT melalui media cetak dan elektronik.

Bagaimanapun, mereka mengharapkan pihak penganjur dapat melanjutkan tempoh atau mengadakan lebih kerap pameran seumpama itu yang memberi banyak ilmu serta pengetahuan baru kepada mereka mengenai bidang IT.

Seorang pekerja di Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Wan Mohd Shafii Wan Musa, 37, menganggap pameran yang diadakan itu sebagai tepat pada masanya ketika rakyat negeri ini dahagakan ilmu teknologi bagi mendalami pengetahuan dalam menuju alaf baru.

Menurutnya, segala peralatan komputer yang dibawa Kriss itu adalah terkini dan mudah dipelajari, terutama di peringkat kanak-kanak dan dewasa.

"Sudah sampai masanya segala seruan dan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahukan rakyatnya lebih maju dalam bidang IT. Kalau sebelum ini, kita hanya membaca dan melihat melalui kaca televisyen dan akhbar tetapi hari ini kita berpeluang melihat IT secara lebih dekat dan mempelajarinya sendiri," katanya.

Beliau yang tinggal di Kampung Tikat, Jalan Pantai Cahaya Bulan (PCB), dekat sini yang mengikuti perkembangan dari mula hingga akhir pameran tidak pernah melepaskan peluang itu.

Nursabila Abdul Aziz, pelajar tingkatan satu Sekolah Menengah Agama Al-Imam, Kubang Kerian, berkata beliau sudah memiliki komputer peribadi, tetapi tidak mempunyai pengetahuan luas mengendalikannya.

Menurutnya, dengan menyaksikan sendiri pameran itu, sedikit sebanyak ilmu IT dapat dipelajari.

"Terima kasih kepada pihak sekolah kerana memberi peluang kepada rombongan pelajar menyaksikan pameran ini secara lebih dekat. Lagipun, inilah peluang yang saya nantikan selama ini," katanya.

Pameran itu yang dirasmikan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Idris Jusoh, antara lain bertujuan mendedahkan rakyat Kelantan kepada bidang yang lebih dinamis bagi membolehkan Malaysia menguasai IT supaya dapat mengekalkan daya saing negara.

Inilah pameran multimedia terbesar di Kelantan dan selepas ini MCA Kelantan dijadual menganjurkan program yang sama.

Noor Azlini Ariff, 22, berkata komputer dapat mengajar seseorang

mengetahui cara peralatan canggih itu berfungsi dan memberi kebaikan kepada pengguna.

Menurutnya, segala ilmu mengenai pengendalian dan cara bagaimana komputer berfungsi memberi maklumat dengan cara menghubungkan antara satu sama lain yang ada di dunia ini boleh dilihat di pameran itu.

Penuntut di Institut Teknologi Mara (ITM) Shah Alam, Meor Kamal Azhar Meor Hamzah Lotfi, 25, yang bercuti di Kelantan menghabiskan masa dengan menyaksi dan mengikuti perkembangan IT di pameran itu.

Beliau bagaimanapun, mengharapkan program itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengunjung kerana ia antara peluang yang sukar ditemui di Kelantan.

"Kita banyak didedahkan dengan promosi IT melalui media, tetapi kebanyakannya diadakan di Kuala Lumpur dan negeri yang jauh lebih maju daripada Kelantan.

"Bagaimanapun kali ini apabila program itu sampai di Kelantan, inilah masanya kita merebut peluang itu sebaik mungkin untuk mempelajari dan menimba segala ilmu IT yang ada," katanya.

Katanya, jika kanak-kanak boleh menguasai dan belajar penggunaan serta mengendalikan komputer ketika menyaksikan pameran itu, mustahil peringkat dewasa tidak dapat berbuat demikian.

(END)